

518 terima pingat kebesaran Perlis

Nor Mohamed, Effendi ketuai senarai penerima sempena ulang tahun Keputeraan Raja Perlis ke-63

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

KANGAR: Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi mengetuai senarai 518 penerima darjah dan pingat sempena ulang tahun Keputeraan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang ke 63, hari ini.

Nor Mohamed, 59, dan Mohd Effendi, 58, dianugerahkan Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir Keizrul Abdullah menjadi penerima tunggal Darjah Datuk Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSSJ) yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Tiga penerima Darjah Datuk Paduka Mahkota Perlis (DPMP) yang membawa gelaran Datuk iaitu Panglima Markas Sembilan Briged, Brig Jen Awie Suboh; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang juga bekas Exco Kerajaan negeri, Loh Yoon Foo dan Speaker Dewan Undangan

Negeri, Che Sulaiman Shafie.

Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Dr Salleh Hassan dan bekas Penasihat Undang-undang negeri, Mat Azraai Alias menerima Darjah Datuk Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) yang juga membawa gelaran Datuk.

Majlis pengurniaan darjah dan pingat diadakan di Balairong Seri, Istana Arau, hari ini disempurnakan, Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faiyuddin Syed Sirajuddin Jamalullail.

Lapan menerima Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP) ialah Presiden Persatuan Siam Malaysia, Siw Chun a/p Peam; Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Mohamad Yazi Md Zin; Timbalan Duta Malaysia ke Indonesia, Abd Aziz Harun.

Pengarah Kolej Matrikulasi Perlis, Khalid Dan; Pengetua Kanan Sekolah Menengah Tuanku Syed Putra, Azemi Salim; Pengarah Maktab Perguruan Perlis, Ariffin Yahaya; Kolonel Sembayan, Markas Medan Tentera Darat Kem Sungai Besi, Kol Abdul Aziz Ahmad dan Pengarah Urusan Shell Tra-



Nor Mohamed Yakcop

ding Sdn Bhd, Mokhzani Wahab.

Sebelas penerima Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP) ialah Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen), Wangi Jusoh; Pengurus Korporat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Ghazali Abdullah; Pegawai Undang-undang Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Azmi Ariffin; pesara guru, Iyaru a/l Muthusamy; Ketua Penolong Setia-



Effendi Norwawi

usaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Kementerian Kewangan, Dr Chen Chaw Min.

Pakar Radiologi, Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Tuanku Fauziah, Dr Ahmad Zalizan Zainul; Pengurus Besar, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN), Ahmad Bakri Ali; Pakar Mata Klinik Mata HTF, Dr Noram Azlan Ramli; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Per-



Keizrul Abdullah

lis, Zulkifli Ramli; Pengarah Bahagian Keselamatan Negara (BKN) Perlis, Abu Bakar Sudin dan Pegawai Khas Menteri Besar, Lee Yin Choon.

Seramai 48 menerima darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP). Antaranya Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, Moh Adib Zakaria; Pengarah Rela negeri, Mej (B) Mohamad Basri Din; Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar, Wan Norzanuar

Wan Ahmad; Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perlis, Suid Othman; Pegawai Daerah Sadao, Thailand, Nuechai Jira Apirak.

Setiausaha Kerja Barisan Nasional (BN) negeri, Pawarni Akmar Saad; Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Melaka, Abd Halim Omar dan Pengarah Kemas Perlis, Hamdan Bahari.

Sembilan puluh lima yang lain menerima Pingat Mahkota Perlis (PMP) termasuk Penolong Pengurus (Hal Ehwal Komersil) TNB Perlis, Mohd Yusmanizam Mohd Yusof; Komandan Kem Latihan Khidmat Negara (PLKN) Tasoh, Mej Sumardi Jasin; Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Perlis, Morat Pora; Penguasa Badan Pencegah Rasuah (BPR), Alias Darus; Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Nik Yahya Abd Rahman.

Pegawai Turus Trafik Perlis, Inspektor Hamdani Minhad adalah antara 158 penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Seramai 177 penerima Pingat Jasa Baik (PJB) manakala 13 lagi menerima Pingat Perkhidmatan Lama (PPL).